

# Tiada tindakan awal punca kesan hakisan teruk

KUALA LUMPUR 27 Dis. - Kesan hakisan pantai akibat fenomena ombak besar boleh dikurangkan sekiranya penduduk setempat serta pihak bertanggungjawab peka dan mengambil tindakan pencegahan lebih awal seperti membina penampan ombak.

Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komoo berkata, fenomena ombak besar adalah perkara biasa dan ia berlaku setiap tahun apabila tiba musim tengkujuh.

Katanya, setiap kali berlaku fenomena itu, pantai akan terhakis dan semakin menghampiri kawasan kediaman penduduk.

---

# JPS mohon peruntukan RM20 juta

BACHOK 27 Dis. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan peruntukan lebih RM20 juta untuk membina semula benteng penghadang hakisan dan pemecah ombak di Pantai Irama, dekat sini.

Penghadang berkenaan musnah dalam kejadian fenomena air laut pasang besar dan terjahan ombak, tiga hari lalu.

Pengarahnya, Abu Bakar Mohd. Yusuf berkata, rangka kertas kerja berkaitan usaha membaiki segala kemusnahan yang berlaku disebabkan keadaan cuaca di luar dugaan itu hampir siap dan akan dikemukakan kepada pihak terbabit dalam tempoh terdekat.